



## **KENYATAAN MEDIA**

### **ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA (APM)**

**Bagi kenyataan tular di media social berkenaan Pangkat dan Gelaran APM.**

**“Tawaran Jawatan Gelaran Bersekutu Dari APM (Sulit)”.**

Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) hari ini ingin membuat kenyataan bahawa mesej yang tular di media sosial berkenaan Tawaran Jawatan Gelaran Bersekutu Dari APM tersebut adalah **PALSU**.

APM tidak pernah sama sekali menjual gelaran atau pangkat di dalam APM. Sebarang pelantikan pangkat Bersekutu perlulah melalui Lembaga Khas yang telah ditubuhkan di dalam APM.

APM adalah berpendirian tegas dan tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pihak yang cuba untuk menjejaskan nama baik APM atau apa-apa juga tindakan yang bertentangan dengan Peraturan Pertahanan Awam.

Sekian.

**ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA**

**7 JANUARI 2020**